


Suksis diberi keutamaan

Diserap sebagai inspektor polis jika berminat



Pelajar yang menyertai Suksis diberi penghormatan menjawat jawatan sebagai Inspektor Sukarelawan Polis di tempat masing-masing"

**Ketua Polis Negara,
Tan Sri Musa Hassan**

pun bergantung kepada kekosongan dan jika tiada, nama mereka akan dimasukkan dalam senarai bebas dan di-

beri keutamaan untuk mengisi kekosongan itu.

"Pelajar yang menyertai Suksis turut diberi penghormatan dengan menjawat jawatan sebagai Inspektor Sukarelawan Polis di tempat masing-masing.

"Latihan yang diterima selama tiga tahun menjadikan mereka lebih bersedia terutama dalam usaha pencegahan jenayah di kawasan tempat tinggal masing-masing dengan syarat mereka menamatkan latihan asas di IPT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Istiadat Tamat Latihan dan Pelantikan Kor Suksis IPTA 2009 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor



SEGAK...sebahagian pelatih ketika Majlis Istiadat Tamat Latihan dan Pelantikan Kor Suksis IPTA 2009, semalam.

UPM, Profesor Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah; Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi dan Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar.

Musa berkata, penubuhan Kor Suksis adalah usaha kerajaan untuk mendekati graduan dan remaja menerusi aktiviti berfaedah yang mampu mengimbangi pembentukan minda dan inte-

lektual.

"Latihan ini adalah peluang kepada graduan memperkayakan diri dengan kelainan pengetahuan dan pengalaman yang memberi nilai tambah kepada mereka selepas tamat belajar," katanya.

Menurutnya, setakat ini 20 IPT sudah menubuhkan Kor Suksis dengan jumlah anggota seramai 1,857 orang dan menganggarkan jumlah berkenaan mencecah 3,868 bagi

memenuhi perjawatan diperuntukkan.

Sementara itu, majlis berkenaan menyaksikan 762 pelatih yang terdiri daripada 365 lelaki dan 397 wanita berjaya menamatkan latihan asas Kor Suksis.

Antara IPT yang terbahit adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

>>Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

SERDANG: Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang mengikuti program kokurikulum sebagai anggota Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis) diberi keutamaan menjawat jawatan inspektor dalam Polis Diraja Malaysia jika mereka memilih menyertai pasukan itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata pelantikan berkenaan bagaimanapun